

masyarakat Islam dan kepada perkembangan Islam.

Dengan kekurangan itu pula maka tidaklah bererti pengakuan kerajaan bahawa agama rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu agama Islam.

Untuk penggalak atas usaha dalam mengadakan kitab-kitab agama yang baik dan berisi dengan cara ilmiah tidak lain jalannya selain daripada kerajaan menerusi Dewan Bahasa mengadakan subsidi ataupun lain-lain cara bantuan yang tidak tepat untuk menggalakkan usaha mengadakan kitab-kitab berbahasa Melayu yang baik. Dengan dua cara inilah sahaja rasa kekurangan di dalam kitab-kitab agama dapat diatasi. Kita berharap kiranya pihak kerajaan memerhati hal ini dan mencari jalan menjauhkan kekurangan-kekurangan yang dihadapi oleh masyarakat.

Berita-berita Mengenai Khalwat

Di dalam beberapa bulan ini, Pejabat Agama Selangor telah mengambil langkah ke atas orang-orang yang didapati berkhalwat. Beberapa orang telah pun dihadapkan ke Mahkamah Syariah di Kuala Lumpur yang mempunyai kuasa sebagai Mahkamah Majistret untuk menjatuhkan hukuman-hukuman ke atas orang-orang yang melanggar kesalahan-kesalahan yang bersangkutan dengan hukuman atau undang-undang Jabatan Agama di negeri itu.

Hukuman-hukuman telah pun dijalankan oleh Mahkamah Syariah itu mengikut dasar-dasar undang-undang yang dibina kerananya. Ini adalah sebaik-baiknya supaya undang-undang itu berjalan atau dijalankan kuatkuasanya tetapi ada seperkara yang nampaknya tidak pun mendapat perhatian kerajaan ialah atas perbuatan-perbuatan akhbar menyiarkan gambar-gambar

orang-orang yang dituduh dan sedang dibicarakan oleh mahkamah.

Perkara yang semacam ini adalah memalukan atau mengaibkan kepada orang-orang yang berkenaan. Sepanjang yang kita ketahui, bahawa menurut peraturan-peraturan mahkamah di negeri ini bahawa suatu perbicaraan yang berjalan atau sedang dijalankan, tidak boleh diberi ulasan atau tidak boleh menyebarkan gambar-gambar orang-orang yang berkenaan atau orang-orang yang dituduh sebab yang demikian ini adalah mengacau atau mencampuri perkara-perkara mahkamah (*contempt of court*)

Selain ini, perkara tuduhan kepada khalwat itu, kalau disiarkan gambarnya adalah membawa kepada aib terhadap diri orang itu dan sekalipun ia bersalah adalah tidak molek sekali-kali gambar-gambar mereka disiarkan seolah-olah ia menjadi suatu hukuman ((mempertontonkan mereka di hadapan khalayak ramai)) seperti perkara-perkara yang berlaku dengan sewenang-wenang pada masa yang lalu.

Kita berharap kerajaan Persekutuan terutamanya Menteri Kehakiman mengawal keadaan peribadi seseorang daripada disiarkan di khalayak ramai dengan menyiarkan gambar-gambarnya itu sebab ini bukannya sahaja memalukan kepada mereka bahkan memalukan pula kepada masyarakat Islam. Semoga hal ini mendapat perhatian dengan segera iaitu supaya kerajaan dengan segera memperingatkan akhbar supaya jangan memperbuat seperti ini – dan menjalankan perintah-perintah supaya jangan terjadi pelanggaran atas mencampuri perkara-perkara mahkamah.

